

Penyalahgunaan Ketum dalam Kalangan Belia di Kedah dan Perlis

Samihah Khalil@Halim, Rusniah Ahmad & Siti Alida John Abdullah
Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan penggunaan ketum dalam kalangan belia di kawasan Kedah dan Perlis. Penggunaan ketum dikatakan boleh menyebabkan simptom ketagihan, dan golongan belia pula merupakan golongan yang paling ramai terjebak dengan isu penyalahgunaan bahan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan bentuk penyalahgunaan ketum ini. Satu survei dilakukan terhadap 223 orang belia di sekitar negeri Kedah dan Perlis, dan seterusnya beberapa penagih ketum tegar di temubual bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkenaan dengan sebab penyalahgunaan dilakukan. Teori Pembelajaran Sosial (*social learning theory*) digunakan sebagai kerangka untuk memahami tindakan penyalahgunaan serta ketagihan ketum ini dari sudut pengaruh sosial. Hasil kajian mendapati bahawa belia yang berusia dalam lingkungan 12 sehingga 29 tahun merupakan golongan yang sering mencampurkan air ketum dengan bahan lain dan perkara ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap dan disebabkan oleh pengaruh rakan.

Kata Kunci: Ketum, Belia, Penyalahgunaan, Ketagihan.

PENGENALAN

Di serata dunia, semenjak berkurun dahulu, penggunaan tumbuhan tradisional setempat telah lama dipraktiskan dalam masyarakat di India, China, Eropah dan Amerika Utara. Tumbuhan tempatan digunakan samada untuk tujuan perubatan, dalam upacara keagamaan atau untuk tujuan bersosial (Richards, 2001). Penggunaan tumbuhan seperti daun candu (*poppy leaves*) di India, daun koko di Mexico dan daun sireh di Malaysia adalah untuk tujuan *mood altering* atau *enhancing the sense of well being* kepada penggunanya.

Secara tradisinya daun ketum telah lama digunakan bagi tujuan perubatan atau pun menjadi amalan dalam aktiviti sosial masyarakat. Perubatan tradisional berasaskan ketum digunakan bagi mengubati pelbagai jenis penyakit seperti kecacingan, cirit-birit (*diarrhea*) atau pun digunakan untuk menambahkan tenaga untuk bekerja (Prozialeck, Jateen, & Shridhar, 2012). Walaupun secara umumnya ketum mampu memberikan manfaat dari sudut

perubatan, namun penggunaannya kini kian dilupakan disebabkan oleh kehadiran rawatan atau ubatan-ubatan moden yang menjadi pengganti kepada perubatan yang berbentuk tradisional ini.

Kini, penggunaan ketum mula timbul kembali, tetapi ia tidak lagi dikenali sebagai tumbuhan herba yang digunakan untuk perubatan sebaliknya lebih sinonim untuk dikaitkan dengan isu ketagihan dan penyalahgunaan. Hal ini kerana, gejala penyalahgunaan ketum ini semakin bertambah dari semasa ke semasa terutamanya di kawasan utara tanah air iaitu di negeri Kedah dan Perlis, di mana pokok ketum ini mudah tumbuh secara semulajadi. Tambahan pula isu penyalahgunaan ini melibatkan golongan belia yang bakal mencorakkan dan mewarisi negara. Kebanyakan golongan belia yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan ini dikatakan mencampurkan air ketum bersama dengan pelbagai jenis bahan lain untuk mendapatkan kesan khayal dan ia dilihat menjadi semakin serius apabila ketum mampu di miliki dengan mudah dan boleh di beli dengan harga yang murah.

Maka, bagi membendung gejala ini, pada tahun 2003 pihak kerajaan telah meletakkan penggunaan daun ketum (*mitragynine* yang terdapat pada daun ketum) di bawah Seksyen 30 (3) Akta Racun 1952 yang boleh membawa kepada hukuman penjara maksimum selama empat tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Walaupun inisiatif dari sudut undang-undang telah meletakkan ketum (*mitragynine*) sebagai racun, namun tahap penyalahgunaan daun ketum masih tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda akan berlakunya penurunan bahkan ia semakin bertambah.

Perkara ini dibuktikan berdasarkan statistik yang dikeluarkan daripada pihak polis yang menunjukkan peningkatan terhadap hasil rampasan daun dan air ketum pada setiap tahun. Jadual 1 berikut menunjukkan statistik jumlah rampasan daun dan air ketum di negeri Perlis dan Kedah dari tahun 2010 sehingga Ogos 2013. Bagi kedua-dua negeri kuantiti daun ketum yang di rampas terus meningkat dari tahun 2010 sehingga Ogos 2013. Namun, bagi rampasan air ketum terdapat trend naik turun. Di Kedah, kuantiti air ketum yang di rampas adalah 3,086 liter pada tahun 2010, bertambah kepada 59,038 liter pada tahun 2011, turun kepada 9,504 liter pada tahun 2012, dan naik kepada 36,892 setakat Ogos 2013. Begitu juga bagi negeri Perlis, kuantiti rampasan adalah 1,245 liter pada tahun 2010, turun kepada 190

liter pada tahun 2011, naik kepada 522 liter pada tahun 2012, dan naik kepada 683 liter setakat Ogos 2013. Kajian mendapati pegawai polis yang membuat aktiviti rampasan menjelaskan pemilik air ketum akan bertindak membuang air ketum yang belum di bungkus ke tanah atau longkang. Berbanding dengan daun ketum yang biasanya tidak mudah dan cepat untuk dibuang bukti seperti untuk membakar daun-daun tersebut. Turut didapati tangkapan ketum cenderung untuk berkurangan kerana aktiviti penjualan dan penyeludupan oleh penjual akan berkurangan selepas sesuatu operasi yang besar. Oleh kerana itu, terdapat penurunan naik dan turun kepada rampasan air ketum.

Jadual 1: Statistik Rampasan Daun dan Air Ketum dari Tahun 2010 sehingga Ogos 2013

Negeri	Tahun							
	2010		2011		2012		Sehingga Ogos 2013	
	Daun (KG)	Air (Liter)	Daun (KG)	Air (Liter)	Daun (KG)	Air (Liter)	Daun (KG)	Air (Liter)
Kedah	1320.67	3086.36	1831.58	59038.63	3156.79	9504.8	3483.25	36892.64
Perlis	98.13	1245	133.8	190.6	1538.4	522.92	2006.1	683.7

Sumber: Laporan Risikan Polis IPK Kedah dan Perlis (2013)

Justeru itu, berdasarkan kepada isu peningkatan jumlah rampasan ketum di dua buah negeri tersebut serta masalah penyalahgunaan dalam kalangan belia, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti apakah bentuk penyalahgunaan dan ketagihan yang berlaku, kategori golongan belia yang cenderung untuk melakukan aktiviti penyalahgunaan serta faktor yang mendorong mereka untuk melakukan aktiviti tersebut. Bagi memastikan kajian ini sentiasa berada di dalam kerangka saintifik, teori ketagihan berasaskan pembelajaran sosial (*social learning theory of addiction*) digunakan sebagai kerangka teoritikal yang akan menjadi asas dan panduan di dalam kajian ini.

PENYALAHGUNAAN KETUM

Kesalahan ketum di bawah Akta Racun 1952 adalah disebabkan sejenis bahan yang dikenali sebagai *mitragynine* yang terdapat di dalam daun ketum tersebut. Dalam sehelai daun ketum mengandungi 25 jenis alkaloid, dan *mitragynine* merupakan kandungan alkaloid yang

terbanyak di dalamnya (Chittrakarn, Penjamras, & Keawpradub, 2012). Hal ini menyebabkan setiap transaksi berkaitan daun tersebut samada mengimport, memiliki, mencampur, menyimpan, menghantar, menjual atau menggunakannya akan menjadi satu kesalahan di bawah sekyen 30 (3), Akta Racun 1952 (pindaan 2003).

Walaupun dari sudut Akta jelas menunjukkan bahawa apa sahaja bentuk transaksi yang berkaitan dengan daun tersebut menjadi suatu kesalahan, namun, kesalahan dari sudut Akta ini adalah sedikit berbeza takrifannya dengan maksud penyalahgunaan. Berdasarkan kepada takrifan atau definisi penyalahgunaan itu sendiri, membawa maksud seseorang yang menggunakan sesuatu bahan untuk tujuan keburukan atau bagi mendapatkan kesan yang buruk. Justeru itu, takrifan itu menunjukkan bahawa maksud penyalahgunaan itu adalah berbeza dengan kesalahan di bawah Akta hanyalah berdasarkan kepada 'tujuan' penggunaan. Sekiranya seseorang itu di dapati memiliki, menjual atau menggunakan daun ketum bagi tujuan perubatan maka ia tidak di kenali sebagai penyalahgunaan tetapi ia masih lagi boleh disabitkan kesalahan di bawah Akta tersebut.

Dalam konteks kajian ini, perbincangan tidak menumpukan kepada Akta Racun tersebut, sebaliknya lebih menumpukan kepada aspek penyalahgunaan daun ketum yang berlaku dalam kalangan belia. Hal ini kerana, sejumlah golongan belia dikatakan terlibat dengan penyalahgunaan ketum, di mana mereka menggunakannya bagi tujuan mendapatkan kesan khayal. Aktiviti penyalahgunaan daun ketum ini boleh bermula daripada pengutipan daun ketum, pemprosesan, penjualan, pengedaran serta penggunaan bahan tersebut. Bagi isu penyalahgunaan dalam kalangan belia, perbincangan akan hanya menumpukan kepada aspek pemprosesan daun ketum dan juga penggunaannya.

Berdasarkan kepada sejarah penggunaan daun ketum, penggunaannya adalah dengan mengunyah daun tersebut untuk tujuan penambah tenaga ketika bekerja. Kemudiannya kaedah penggunaan ini berubah di mana daun ketum di rebus bagi mendapatkan air rebusan seperti larutan teh yang disediakan untuk majlis gotong-royong, yang juga bertujuan sebagai penambah tenaga ketika melaksanakan aktiviti sosial tersebut. Amalan ini kemudiannya menjadi norma dalam masyarakat di sesetengah kawasan kampung di utara semenanjung Malaysia. Namun, kaedah penggunaan ini mula berubah pada penghujung

tahun 90-an di mana golongan belia mula membuat air rebusan ketum ini dengan merebus daun ketum dengan kuantiti yang banyak atau mencampurkan air rebusan ketum ini dengan pelbagai bahan lain untuk dijadikan minuman yang dikenali sebagai '*sii koon roi*'.

Sii koon roi bermaksud '*cocktail 4x100*' di dalam bahasa Thailand. Bagi membuat cocktail ketum ini, empat bahan asas yang biasa digunakan ialah air yang direbus bersama 100 helai daun ketum dan dicampurkan bersama dengan *coca-cola*, ubat batuk dan juga ais kiub (Tanguay, 2011). Ini bertujuan bagi mengurangkan rasa pahit daun ketum tersebut di samping memberi rasa yang lebih sedap dan meningkatkan lagi kesan khayal kepada si peminum. Perbuatan meminum air ketum dalam kuantiti yang banyak atau mencampurkan air ketum tersebut dengan bahan-bahan lain bagi tujuan mendapatkan kesan khayal inilah yang dikategorikan sebagai penyalahgunaan tersebut.

Selain penyalahgunaan yang dilakukan dengan meminum air ketum yang telah dicampurkan dengan bahan-bahan yang telah disebutkan tadi, penyalahgunaan juga boleh berlaku apabila seseorang individu itu meminum air ketum dan kemudiannya di sulami dengan pengambilan dadah yang lain seperti ganja, heroin, kokain, pil kuda dan sebagainya. Ini juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kesan terhadap dadah yang di ambil tersebut.

KETAGIHAN KETUM

Pengambilan air ketum dalam kuantiti yang banyak samada di campur dengan bahan-bahan tertentu atau tidak secara berterusan akan mendatangkan kesan khayal dan akan menimbulkan rasa ketagihan. Secara umumnya, ketagihan didefinisikan sebagai tingkah laku yang berulang-ulang dan berterusan terhadap sesuatu perkara dan keinginan yang kuat untuk melakukan perkara tersebut serta memberi kesan buruk kepada diri seseorang yang mengalaminya seperti hilang pertimbangan diri. Ketagihan juga mencakupi keadaan yang di alami oleh seseorang yang menyalahgunakan sesuatu bahan (*substance abuse*) dan kemudiannya menerbitkan implikasi negatif seperti bahaya fizikal, keadaan psikik atau memerlukan pergantungan psikologi (Samihah, et al., 2010).

Dari sudut ketagihan ketum, *mitragynine* di dalam ketum berfungsi untuk mengikat reseptor ketagihan di dalam otak manusia di mana ianya telah memberi rangsangan dan tindak balas terhadap aktiviti sosial seseorang itu. Menurut Apryani, Hidayat, Moklas, Fakurazi, dan Farah Idayu (2010), menyatakan bahawa *mitragynine* ini mampu memberikan kesan kepada fungsi lokomotor dan membawa kepada kesan khayal. Fungsi lokomotor ini bermaksud pergerakan yang memerlukan tenaga untuk mengatasi geseran, seret, inersia, dan graviti dan kesan kepada fungsi lokomotor ini bergantung kepada berapa banyak dos yang diberikan.

Apabila fungsi reseptor otak dan lokomotor otak melekat kepada alkaloid *Mitragynine*, maka seorang peminum air ketum yang *regular* akan mengulangi meminumnya akibat daripada kesan reseptor otak yang berada bawah pengaruh. Dos yang tinggi akan mengikat reseptor dalam badan dan kemudiannya akan membawa kepada rasa ketagihan (Chittrakarn, Sawangjaroen, Prasettho, Janchawee, & Keawpradub, 2008). Justeru itu, dalam isu penyalahgunaan ketum ini, dapat dinyatakan bahawa rasa ketagihan ini akan berlaku sekiranya *mitragynine* ini di ambil dalam dos yang tinggi. Sebaliknya, jika seseorang individu itu hanya meminum air ketum dalam kuantiti yang sedikit dan tidak berkala, maka meminum air tersebut tidak akan menyebabkan rasa ketagihan.

Oleh itu, pengguna ketum ini boleh dikategorikan kepada beberapa kategori berdasarkan kepada corak penggunaannya, iaitu sebagai pengguna kasual, *regular* dan tegar. Pengguna kasual merupakan pengguna ketum yang tidak mengalami simptom ketagihan, mengguna dengan kuantiti dos yang sedikit dan tidak menggunakannya secara berkala. Manakala pengguna *regular* pula merupakan pengguna ketum yang sering mengambil ketum dengan tahap dos yang bersesuaian dengan penerimaan badan dan tolerasi tubuh mereka. Pengguna ini kebiasaannya akan meminum air ketum secara berkala dan kebiasaannya telah mengalami simptom ketagihan ketum.

Pengguna *regular* ini juga mampu untuk menjadi pengguna tegar apabila dos penggunaannya bertambah dan perlu meminumnya sebanyak empat sehingga enam gelas sehari. Selain daripada pengambilan dengan dos yang banyak, ketagihan juga boleh berlaku sekiranya pengguna ketum ini mencampur pelbagai bahan lain seperti memproses air ketum

tersebut untuk dijadikan '*sii koon roi*', di mana campuran ketum dengan bahan tersebut mampu menguatkan lagi ikatan reseptor ketagihan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ketagihan ketum ini boleh berlaku dalam dua keadaan iaitu dengan mengambil air ketum dengan kuantiti dos yang tinggi atau mencampurkan air ketum dengan bahan-bahan campuran yang lain.

Berdasarkan kepada isu penyalahgunaan dan juga aspek ketagihan ini, di mana golongan belia dilihat merupakan golongan yang paling ramai terjebak dengan masalah ketagihan. Kajian ini cuba mengenal pasti kategori belia daripada lingkungan umur 12 sehingga 39 tahun untuk menentukan bagaimana bentuk penyalahgunaan ketum ini dilakukan. Selain itu, tujuan dan faktor yang mendorong kepada golongan belia ini untuk terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan ketum ini juga akan diambil perhatian. Dalam melihat kepada isu ini, teori ketagihan berasaskan pembelajaran sosial akan dijadikan sebagai panduan asas dalam kajian ini.

Teori Ketagihan Berasaskan Pembelajaran Sosial (*Social Learning Theory of Addiction*)

Albert Bandura (1977) mengatakan bahawa tingkah laku seseorang di pelajari melalui proses pemerhatian pembelajaran dalam persekitaran dimana individu tersebut berada dan teori ini dipanggil Teori Pembelajaran Sosial. Kajian ini akan menggunakan kerangka teori ini untuk menjelaskan aspek yang akan di kaji berhubung dengan penyalahgunaan ketum dalam kalangan belia.

Teori Pembelajaran Sosial menyatakan bahawa tingkah laku atau perbuatan seseorang individu untuk melakukan penyalahgunaan sehingga menyebabkan ketagihan adalah disebabkan oleh budaya dan persekitaran sosial (Bouton, 2007). Dalam konteks ini, terdapat tiga prinsip asas yang menjelaskan kepada ketagihan iaitu pembelajaran sosial (*social learning*), penyesuaian operan (*operant conditioning*) dan penyesuaian klasik (*classical conditioning*).

Pembelajaran Sosial (Social Learning)

Prinsip pembelajaran social mengatakan seseorang individu itu akan mempelajari dan terpengaruh untuk melakukan sesuatu tindakan adalah disebabkan pemerhatiannya terhadap sesuatu perbuatan. Jika ia melihat bahawa dengan melakukan sesuatu perbuatan tersebut akan menyebabkan ia di hargai dan akan memberikan impak sosial kepadanya, seseorang individu tersebut akan cuba untuk melakukannya. Dengan kata lain, seseorang individu itu akan melakukan perkara yang sama dengan kumpulan sosialnya bagi mendapat tempat dalam kumpulan tersebut dan akan rasa lebih di hargai jika dia mampu untuk melakukan perkara yang sama.

Sebagai contoh, dalam konteks penyalahgunaan dan ketagihan ketum ini, daripada pemerhatian sekiranya dengan melakukan aktiviti penyalahgunaan ketum, seseorang individu tersebut akan dapat berinteraksi, bergaul dan bersama dengan kumpulan sosialnya, maka dia akan berkeinginan untuk melakukan perbuatan yang serupa kerana mahu berinteraksi dan bergaul dengan kumpulan sosial. Alasan kepada keinginan ini mungkin berbeza mengikut individu. Antaranya adalah bertujuan untuk mendapat perhatian dan rasa dihargai oleh kumpulan sosialnya. Justeru itu, pembelajaran sosial ini dapat menjelaskan kepada kita kenapa seseorang remaja bertindak untuk mengambil air ketum dalam kumpulan.

Penyesuaian Operan (Operant Conditioning)

Prinsip penyesuaian operan pula menjelaskan keadaan seseorang itu apabila membuat pemerhatian adalah bertujuan untuk mendapatkan penyelesaian kepada tekanan atau stress dalam dirinya. Dengan membuat pemerhatian kepada perbuatan individu lain yang dilihat akan membawa kepada keadaan tenang, relaks, gembira dan mampu untuk mengurangkan tekanan lalu dia akan mencuba melakukan tindakan yang sama. Sebagai contoh, dengan memerhati kepada perbuatan dalam masyarakat seperti kawan-kawan atau individu lain yang menghisap rokok dan ia mendapati bahawa dengan perbuatan tersebut akan mampu untuk mengurangkan tekanan atau menjadikan seseorang itu lebih tenang menyebabkan ia akan cuba untuk melakukan perkara yang sama.

Dalam konteks penyalahgunaan ketum, perbuatan mengambil bahan tersebut bermula dengan tujuan untuk menghilangkan rasa tekanan, stress atau pun untuk bergembira. Justeru itu, perkara ini akan dilakukan secara berulang sehingga menyebabkan timbulnya rasa ketagihan. Sekiranya tidak mendapatkan bahan tersebut akan menyebabkan ia berasa tertekan dan mudah berasa marah.

Penyesuaian Klasik (Classical Conditioning)

Penyesuaian klasik menjelaskan bahawa sesuatu perbuatan adalah merupakan tindak balas kepada stimuli yang mana dapat mencetuskan perbuatan yang semulajadi. Dari sudut ketagihan, seseorang individu tersebut akan terus mengambil air ketum sekiranya mengambil air ketum itu berkait dengan cara pengambilan dadah yang dibuat bersama-sama. Contoh lain, seorang penagih rokok akan merokok selepas makan kerana rokok menjadi stimuli apabila habis memakan makanan tengahari atau malam. Justeru itu, apabila selesai daripada makan ia akan berasa ingin merokok. Sekiranya perbuatan tersebut tidak dapat dilaksanakan ia akan berasa tidak senang dan akan cuba untuk mendapatkannya.

Memadankan penyesuaian klasik dengan ketagihan ketum, di mana perbuatan sebelum dan selepas adalah saling berhubung antara satu sama lain, dapat dikatakan bahawa ketagihan ketum akan bermula apabila sesuatu perbuatan tersebut perlu dimulakan dengan pengambilan air ketum sebelum mengambil dadah dalam kumpulan sosial. Antara contoh penyesuaian klasik dari sudut penggunaan ketum, seperti keperluan untuk mengambil ketum sebelum mengambil dadah. Perbuatan tersebut akan berlarutan sehingga membawa padah dan keburukan.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mendapatkan maklumat dan data tentang penyalahgunaan ketum dalam kalangan belia di Kedah dan Perlis, reka bentuk kajian berbentuk bukan eksperimental dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan campuran. Kaedah survei digunakan bagi pendekatan kuantitatif, manakala bagi pendekatan kualitatif, kaedah temubual secara bertujuan digunakan bagi mendapatkan data.

Bagi pendekatan kuantitatif, seramai 223 orang responden dalam kalangan belia dalam lingkungan umur 12 sehingga 39 tahun telah diberikan soalan soal selidik yang di ambil dan di ubahsuai daripada DAST-10 (Drug Abuse Screening Test-10) untuk kesesuaian responden dalam yang terdiri daripada pengguna ketum. Bagi mendapatkan kumpulan sasaran, penggunaan pembanci dalam kalangan penduduk kampung atau individu yang lebih dekat dengan responden digunakan. Soal selidik kemudiannya diedarkan kepada kumpulan belia di kawasan-kawasan kampung sekitar Kedah (daerah Kubang Pasu) dan Perlis yang di lihat mempunyai kes atau isu penyalahgunaan ketum yang tinggi.

Manakala, bagi pendekatan kualitatif pula, kaedah temubual secara bertujuan kepada penagih ketum tegar dilaksanakan. Soalan berbentuk semi-struktural digunakan dan seramai lima orang penagih ketum tegar telah ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan terperinci berkenaan dengan bentuk penyalahgunaan dan juga isu ketagihan. Hasil dapatan daripada pendekatan kuantitatif kemudiannya di analisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) dan hasil dapatan kualitatif kemudiannya dianalisis dan digunakan bagi menyokong dapatan data kuantitatif tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Pengambilan Ketum dan Bentuk Penyalahgunaan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian berdasarkan keputusan survei daripada 223 responden dalam kalangan belia di sekitar Kedah (daerah Kubang Pasu) dan Perlis, hanya 48 peratus (107) responden belia ini mengaku menggunakan ketum, manakala 52 peratus (116) lagi responden menyatakan tidak pernah menggunakannya. Berikut adalah pecahan mengikut umur responden belia dari lingkungan umur 12 sehingga 39 tahun serta pernyataan mereka tentang pengambilan ketum.

Jadual 2: Kenyataan responden berkenaan dengan pengambilan ketum

Kategori Umur	Ambil		Jumlah
	Ya	Tidak	
12 hingga 19 tahun	49	47	96
20 hingga 24 tahun	37	65	102
25 hingga 29 tahun	11	4	15

30 hingga 34 tahun	3	0	3
35 hingga 39 tahun	7	0	7
Jumlah	107	116	223

Berdasarkan jadual pecahan kategori responden tersebut menunjukkan jumlah yang tidak sekata di antara kategori umur responden. Hal ini kerana berlakunya kesukaran dalam mendapatkan serta menentukan responden yang menggunakan ketum. Justeru itu kaedah yang digunakan bagi mendapatkan kumpulan sasaran ini adalah dengan mengenal pasti kawasan yang mempunyai kes penyalahgunaan ketum tegar dalam kalangan belia dan menggunakan pembanci. Penentuan ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan pembanci yang merupakan individu yang di kenali dan mengetahui kawasan tersebut. Golongan belia yang masih dalam kategori remaja lebih sukar untuk di kenal pasti kerana masih lagi dalam tempoh baru bermula untuk mencuba ketum, manakala golongan yang lebih dewasa seperti 25 tahun ke atas adalah lebih mudah di kenal pasti berdasarkan kepada bentuk fizikal dan hasil maklumat daripada masyarakat sekitar.

Berdasarkan jadual, menunjukkan bahawa bagi kategori belia remaja yang masih bersekolah (12 hingga 19 tahun), kumpulan ini di lihat lebih mudah terpengaruh untuk menggunakan ketum di dalam kumpulan sosial mereka. Jadual menunjukkan separuh daripada golongan tersebut pernah menggunakannya. Manakala golongan kumpulan belia yang telah tamat bersekolah dalam lingkungan umur 20 hingga 24 tahun pula boleh dikatakan satu pertiga daripadanya akan terpengaruh dengan penggunaan ketum. Walaupun golongan belia dari umur 12 sehingga 24 tahun ini cenderung untuk terpengaruh dengan gejala penggunaan ketum, namun dapat dilihat bahawa masih lagi terdapat golongan yang berada dalam kumpulan tersebut tidak terjebak dengan aktiviti ini, walaupun berada dalam kelompok sosial atau kumpulan mereka yang menggunakan ketum.

Bagi kategori belia yang berada di atas umur 25 tahun ke atas pula, pembancian untuk golongan sasaran ini lebih mudah dilakukan kerana boleh di kenali dengan susuk fizikal dan juga berdasarkan kepada maklumat daripada masyarakat sekitar. Golongan ini telah lama menggunakan ketum dan boleh dikategorikan sebagai pengguna ketum tegar. Justeru itu, kategori kumpulan umur ini walaupun lebih mudah untuk dikenali, namun ia adalah lebih sukar untuk di peroleh berbanding golongan belia remaja yang lebih terbuka.

Ujian Kruskal-Wallis H

Dari sudut bentuk penyalahgunaan pula, analisis ujian Kruskal-Wallis H terhadap responden yang mengambil ketum digunakan untuk melihat kepada perbezaan bentuk penyalahgunaan berdasarkan kategori umur belia. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan [$X^2 (4, N = 107) = 25.193, p < .05$] di antara kategori umur belia yang mencampurkan ketum dengan bahan lain dengan yang tidak mencampurkan bahan lain ke dalam ketum. Walaupun ujian Kruskal Wallis H ini menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara kumpulan umur dalam kalangan belia, namun ia tidak menyatakan secara jelas pasangan kumpulan yang manakah menyebabkan berlakunya perbezaan yang signifikan tersebut. Oleh itu, ujian susulan dengan menggunakan ujian Mann-Whitney U digunakan untuk mengenal pasti pasangan kumpulan umur manakah yang menyebabkan berlakunya perbezaan tersebut.

Ujian Mann-Whitney U

Berdasarkan kepada sepuluh keputusan ujian *Mann-Whitney U* (ujian susulan) terhadap kelima-lima kategori kumpulan umur belia menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan berlaku di antara kumpulan umur 12 hingga 19 tahun dengan kategori umur 30 hingga 34 tahun [$U = 19.5, p < .05$] dan kategori umur 35 hingga 39 tahun [$U = 45.5, p < .05$]. Perbezaan juga berlaku pada belia kategori umur 20 hingga 24 tahun dengan belia yang berumur 30 hingga 34 tahun [$U = 10.5, p < .05$] dan kategori umur 35 hingga 39 tahun [$U = 24.5, p < .05$]. Seterusnya perbezaan kategori kumpulan umur 25 hingga 29 tahun hanya berbeza secara signifikan dengan kategori umur belia 35 hingga 39 tahun [$U = 17.5, p < .05$].

Perbezaan tidak berlaku terhadap belia yang berumur dari 12 sehingga ke 29 tahun, dan juga untuk yang berumur 30 sehingga 29 tahun. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa bentuk penggunaan ketum di antara belia berbeza secara signifikan berdasarkan ujian Kruskal Wallis H adalah disebabkan oleh perbezaan penggunaan bagi belia yang berumur 12 sehingga 29 tahun dengan belia yang berumur 30 sehingga 39 tahun dalam isu mencampurkan ketum dengan bahan lain. Analisis *cross-tabulation* menunjukkan golongan belia lingkungan umur 12 sehingga 29 tahun lebih cenderung untuk mencampurkan ketum dengan bahan lain.

Jadual 3: Crosstabulation mencampurkan ketum dengan bahan lain berdasarkan umur

Kategori Umur	Campur		Jumlah
	Ya	Tidak	
12 hingga 19 tahun	36	13	49
20 hingga 24 tahun	30	7	37
25 hingga 29 tahun	6	5	11
30 hingga 34 tahun	0	3	3
35 hingga 39 tahun	0	7	7
Jumlah	72	35	107

Kajian mendapati golongan belia muda lebih cenderung untuk terpengaruh dengan trend mencampurkan ketum dengan bahan lain. Golongan muda sangat mudah dan suka meniru selepas memerhati orang lain melakukannya seperti mana yang disebut dalam teori pembelajaran sosial. Ada dalam kalangan mereka yang suka meluangkan masa melihat dan terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat kerana ingin mencari rakan, berinteraksi dengan rakan sebaya yang 'sekepala' dengan mereka serta mencuba perkara baru kerana ingin tahu atau untuk menghilangkan tekanan. Sebaliknya golongan yang berumur 30 sehingga 39 tahun pula tidak mencampurkan ketum dengan bahan lain tetapi lebih kepada meminum air ketum biasa tetapi turut menjadi penagih ketum *regular* atau tegar.

Dari sudut tujuan mencampurkan ketum dengan pelbagai bahan lain pula, hasil kajian mendapati bahawa golongan ini mencampurkan bahan-bahan tersebut adalah untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap (68.1%), meningkatkan *kick* (40.3%) dan juga menjadikan ia lebih berkesan dalam meningkatkan kesan khayal (43.1%). Perkara ini dijelaskan lagi oleh responden ketum yang di temu bual menyatakan bahawa campuran ketum dengan pelbagai bahan seperti *coca-cola* atau minuman bikarbonat yang lain adalah untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap dan mengurangkan rasa pahit. Hal ini kerana golongan muda tidak biasa dengan rasa air rebusan ketum yang pahit, maka bagi membolehkan mereka untuk meminumnya serta mengurangkan rasa pahit tersebut adalah dengan menambahkan minuman yang manis seperti *coca-cola* dan sebagainya. Apabila ia menjadi kebiasaan, menurut teori penyesuaian klasik, akan wujud reaksi semula jadi kepada peminum ketum untuk mencampurkan bahan lain ke dalam air ketum. Apabila dadah

dimasukkan bersama air ketum maka kebiasaan meminum air ketum akan di buat dengan mencampurkan dadah sehingga menjadi ketagihan.

Selain itu, berdasarkan kepada hasil temubual juga, mendapati bahawa selain daripada tujuan untuk mendapatkan rasa sedap serta meningkatkan *kick* ketum tersebut. Campuran ketum ini juga dibuat untuk meningkatkan kesan khayal terhadap penggunaan dadah selepas meminum ketum. Dengan meminum '*sii koon roi*' ini, akan menyebabkan pengambilan seperti rokok, ganja, heroin atau pil kuda selepas itu akan menjadi lebih berkesan dalam meningkatkan kesan khayal. Hal ini kerana kualiti dadah seperti heroin atau pil kuda semakin menurun dosnya akibat harga yang mahal. Oleh itu dengan pengambilan ketum sebelum mengambil bahan tersebut akan mampu untuk meningkatkan lagi rasa khayal dadah yang di ambil. Hal ini juga menunjukkan bahawa penyalahgunaan ketum tidak hanya tertumpu kepada mencampurkan atau mengambil dengan dos yang banyak, tetapi ia juga berlaku disebabkan oleh sulaman dengan dadah selepas itu.

Sebagaimana teori pembelajaran sosial dari sudut penyesuaian klasik, kaedah penyalahgunaan berbentuk sulaman ini juga menyebabkan kepada ketagihan. Iaitu apabila seseorang individu tersebut perlu mengambil ketum sebelum mengambil dadah. Perkara ini akan menjadi tabiat dan seterusnya setiap kali mengambil bahan terlarang seperti dadah tersebut perlu kepada pengambilan ketum sebelumnya.

Faktor yang Mendorong Pengambilan Ketum

Seterusnya hasil survei juga meneliti kepada aspek faktor penggunaan ketum bagi melihat kepada sebab pengambilan ketum dilakukan. Berdasarkan kepada analisis *crosstabulation*, faktor yang mendorong untuk mengambil ketum dibahagikan kepada tiga faktor utama iaitu mengikut rakan, amalan keluarga dan juga untuk mendapatkan keseronokan. Jadual 4 di bawah menunjukkan *crosstabulation* berdasarkan faktor tersebut.

Jadual 4: Faktor Pengambilan Berdasarkan Kategori Umur

Kategori Umur	Ikut Rakan		Keseronokan		Amalan Keluarga	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
12 hingga 19 tahun	22	27	18	31	1	48

20 hingga 24 tahun	21	16	19	18	1	36
25 hingga 29 tahun	9	2	4	7	0	11
30 hingga 34 tahun	0	3	1	2	0	3
35 hingga 39 tahun	0	7	3	4	0	7
Jumlah	52	55	45	62	2	105

Berdasarkan jadual *crosstabulation* menunjukkan bahawa kebanyakan golongan belia yang mengambil ketum adalah disebabkan oleh terpengaruh dengan rakan dan juga ingin mendapatkan keseronokan. Manakala golongan belia yang berumur 30 tahun dan ke atas pula, faktor pengambilan adalah lebih menjurus kepada mendapatkan keseronokan berbanding mengikut rakan. Hal ini kerana, golongan yang berumur 30 tahun ke atas boleh dikatakan telah menjadi penagih ketum yang regular atau tegar. Justeru itu, tindakan mereka dalam mengambil ketum tidak lagi di dorong oleh rakan sebaliknya adalah disebabkan oleh keinginan yang kuat untuk mendapatkan kesan khayal daripadanya. Menurut Horvath dan Greenberg (1989) yang mengaitkan penagihan dengan Teori Pembelajaran Sosial, belia yang terlibat semakin yang tidak rapat dengan keluarga atau rakan-rakan yang tidak meminum air ketum akan menyebabkan kesukaran untuk mereka bebas dari penagihan seperti). Berdasarkan kepada hasil dapatan ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan dari sudut cara penggunaan berdasarkan kepada corak penggunaan dalam kalangan belia mengikut peringkat umur.

Golongan belia muda di bawah umur 30 tahun adalah lebih cenderung untuk di pengaruhi oleh rakan yang boleh dikatakan sebagai penyebab utama pengambilan dilakukan. Golongan yang baru mencuba ketum dengan mengikut rakan ini masih dalam kategori menggunakannya secara suka-suka atau masih belum mengalami simptom ketagihan yang teruk. Namun golongan ini juga berpotensi untuk menjadi penagih regular atau tegar sekiranya dilakukan dengan lebih kerap atau berulang. Manakala belia yang telah berumur di atas 30 tahun pula lebih menjurus kepada mendapatkan kesan khayal, keseronokan atau menghilangkan rasa ketagihan ketum.

RUMUSAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan, boleh dirumuskan bahawa terdapat perbezaan corak penggunaan dan bentuk pengambilan ketum dalam dua kategori belia, iaitu belia yang

berada dalam lingkungan umur 12 sehingga 29 tahun dan juga belia yang berada di atas umur 30 tahun sehingga 39 tahun. Corak dan bentuk penyalahgunaan ketum bagi kategori belia di bawah umur 30 tahun adalah lebih menjurus kepada mengikut rakan dan mendapatkan keseronokan. Golongan ini juga lebih cenderung untuk mencampurkan bahan lain di dalam ketum bagi tujuan mendapatkan rasa yang lebih sedap di samping menghilangkan rasa pahit ketum. Perkara ini berlaku kerana mereka masih lagi dalam tempoh mencuba dan tidak dapat menahan daripada rasa pahit air rebusan ketum.

Boleh dikatakan bahawa golongan belia yang masih cenderung menggunakan ketum hanya kerana mengikut rakan masih adalah dalam kategori pengguna kasual. Mereka tidak akan menggunakannya sekiranya tidak berada di dalam kumpulan sosial mereka tersebut. Namun selain daripada mencampurkan bahan lain untuk mendapatkan rasa sedap, terdapat juga golongan belia yang mencampurkan dadah ke dalam ketum atau menyulam dadah selepas meminum ketum. Perkara ini dilakukan bagi meningkatkan lagi kesan khayal daripada penggunaan dadah tersebut.

Sebaliknya golongan belia yang berumur di atas 30 tahun pula menggunakan ketum dengan tujuan untuk menghilangkan ketagihan, mendapat keseronokan dan menghilangkan tekanan. Golongan ini tidak lagi mengikut rakan sebaliknya menjadi pendorong kepada belia muda untuk mengikuti mereka. Golongan ini boleh dikategorikan sebagai pengguna ketum yang regular atau tegar. Menariknya, golongan ini kurang untuk mencampurkan ketum dengan bahan lain dan lebih gemar untuk meminum ketum biasa. Hal ini kerana mereka telah mengalami simptom ketagihan dan telah biasa dengan rasa ketum yang pahit dan perlu mendapatkannya dengan lebih cepat berbanding melakukan proses mencampurkannya dengan pelbagai jenis bahan lain.

Bagi menangani isu penyalahgunaan, memahami bagaimana Teori Pembelajaran Sosial mengupas bagaimana penyalahgunaan ketum berlaku melalui percubaan, pemerhatian dan pengaruh stimuli semulajadi yang disengajakan, maka para penyelidik lain seterusnya akan dapat membantu dalam mencari jalan penyelesaian kepada isu penyalahgunaan ketum.

RUJUKAN

Akta Racun 1952 (Akta 366). Percetakan Negara. Malaysia

Apriyani, E., Hidayat, M. T., Moklas, M., Fakurazi, S., & Farah Idayu, N. (2010). *Effects of mitragynine from Mitragyna speciosa Korth leaves on working memory. Journal of Ethnopharmacology, 129*, 357-360.

Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Prentice Hall, 1977.

Bouton, M. E. (2007). *Learning and behavior: A contemporary synthesis*. Sunderland: Sinauer Associates.

Chittrakarn, S., Penjamras, P., & Keawpradub, N. (2012). Quantitative analysis of mitragynine, codeine, caffeine, chlorpheniramine and phenylephrine in a kratom (*Mitragyna speciosa* Korth.) cocktail using high-performance liquid chromatography. *Forensic Science International, 217(1)*, 81-86.

Chittrakarn, S., Sawangjaroen, K., Prasettho, S., Janchawee, B., & Keawpradub, N. (2008). Inhibitory effects of kratom leaf extract (*Mitragyna speciosa* Korth) on the rat gastrointestinal tract. *Journal of Ethnopharmacology, 116*, 173-178.

Horvath, A.O. & Greenberg, L. S. (1989). Development and validation of the Working Alliance Inventory. *Journal of Counseling Psychology, 36(2)*, Apr 1989, 223-233.

Prozialeck, W. C., Jateen, K. J., & Shridhar, V. A. (2012). Pharmacology of Kratom: An Emerging Botanical Agent With Stimulant, Analgesic and Opioid-Like Effects. *Journal of the American Osteopathic Association, 112(12)*, 792-799.

Richards, J.F. (2001). Opium and the British Empire: The Royal Commission of 1895. http://www.drugpolicy.org/docuploads/opium_indiapdf. Access on 20/10/2014

Samihah, K., Rusniah, A., Siti Alida, J. A., Yusmarizza, (2010). Definisi penagih dan ketagihan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan) 1995 dan akta-akta lain yang berkaitan. Agensi Antidadah kebangsaan. Tidak diterbitkan.

Samihah, K., Rusniah, A., Siti Alida, J. A., Yusmarizza, M.d Nasyran, A., & Roos Niza, M. S. (2010). Undang-undang Rawatan dan Pemulihan Dadah dari Sudut Pandangan Global: Suatu Perbandingan. *Journal Antidadah Malaysia, 6(2)*, 1-45.

Tanguay, P. (2011). Kratom in Thailand: Decriminalisation and Community Control? *Legislative Reform of Drug Policies, 13*, 1-16.